

|                                 |   |                                        |
|---------------------------------|---|----------------------------------------|
| <b>JAWATAN</b>                  | : | <b>PEGAWAI KESELAMATAN</b>             |
| <b>GRED JAWATAN</b>             | : | <b>KP9</b>                             |
| <b>SKIM PERKHIDMATAN</b>        | : | <b>PEGAWAI KESELAMATAN</b>             |
| <b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b> | : | <b>KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM</b> |
| <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>    | : | <b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>      |
| <b>TARAF JAWATAN</b>            | : | <b>TETAP</b>                           |
| <b>LOKASI</b>                   | : | <b>JOHOR BAHRU</b>                     |

|                                     |   |                                                                              |
|-------------------------------------|---|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</b> | : | <b>RM2,250.00 – RM11,110.00</b><br><b>PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024</b> |
| <b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>  | : | <b>RM225.00</b>                                                              |
| <b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>   | : | <b>RM300.00 SEBULAN</b>                                                      |
| <b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>      | : | <b>RM300.00 SEBULAN</b>                                                      |
| <b>BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP</b>   | : | <b>RM300.00 SEBULAN</b>                                                      |

**SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,250.00); atau
  - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang- kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,250.00); atau
  - (iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP9: RM2,470.00)
- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  1. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  2. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  3. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  4. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  5. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  6. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  7. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan seperti di perenggan 1(a)(i) dan 1(a)(iii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau  
ii. lulus Peperiksaan
  - (b) had umur pelantikan:
    - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan  
paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan  
paksa 58 tahun; atau
    - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **SYARAT UNIVERSITI:**

1. Calon dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer, kejuruteraan perisian, adalah diberikan keutamaan.
2. Mempunyai latar belakang dalam badan beruniform adalah keutamaan.
3. Berpengalaman dalam bidang keselamatan, penguatkuasaan, kawalan risiko atau bidang berkaitan.
4. Mempunyai pengetahuan dalam sistem pemantauan keselamatan (CCTV, alarm system, access control, dsb.).
5. Mempunyai kemahiran dalam aspek kawad kaki serta keupayaan memberi arahan (command) kepada pasukan
6. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE).
7. Mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang baik.
8. Bersedia bekerja mengikut syif / waktu tidak menentu.
9. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.

## **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Merancang dan membangunkan sistem yang dapat yang dapat menyokong keperluan bagi keselamatan kampus.
2. Berkepakaran di dalam semua fasa di dalam pembangunan aplikasi sistem.
3. Berkepakaran di dalam pengurusan pangkalan data yang terlibat dalam pembangunan sistem.
4. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Keselamatan dari masa ke semasa
5. Menyelaras keperluan integrasi sistem yang telah atau sedang dibangunkan di UTM
6. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berjadual terhadap sistem / aplikasi sistem yang dibangunkan
7. Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan jabatan.
8. Mengkoordinasi dan mengatur gerak anggota Security Monitoring & Operating Centre (SMOC) dalam operasi rutin.

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian <https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/> dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.